

kalendar PERISTIWA-PERISTIWA PENTING



11 April 2008

Pembukaan Rasmi Pejabat Wilayah Melaka

Takaful IKLAS dengan rasminya membuka pejabat wilayah barunya di Melaka selaras dengan usaha strategik Syarikat untuk mempertingkatkan jualan produknya ke selatan Semenanjung Malaysia. Yang Berhormat Mohamad Ghazale, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Malaka yang juga merupakan ADUN Serkam telah merasmikan pembukaan tersebut bagi pihak Ketua Menteri Melaka, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

20 April 2008

Pelancaran IKLAS Medic Assist Takaful di MSAM 08

Pada Minggu Saham Amanah Malaysia 2008 yang diadakan Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, Melaka, Takaful IKLAS telah mengambil peluang untuk melancarkan *IKHLAS Medic Assist Takaful (IMAT)*. Pelancaran produk tersebut dirasmikan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi. *IKHLAS Medic Assist Takaful* adalah satu pelan perubatan yang unik untuk membantu pembayaran bil-bil

20 April 2008



30 Mei & 21 November 2008



hospital yang besar. Takaful IKLAS adalah antara syarikat pertama menawarkan pelan sedemikian.

10 Mei 2008

Pembukaan Rasmi Pejabat Wilayah Sabah

Takaful IKLAS telah membuka secara rasmi sebuah lagi pejabat wilayah baru di Kota Kinabalu, Sabah. Pejabat yang mula beroperasi pada 11 Jun 2007 tersebut telah dirasmikan oleh Penolong Menteri Kewangan, Yang Berhormat Datuk Haji Tawfiq Datuk Abu Bakar Titingan dalam satu majlis yang diadakan di Grand Ballroom, Sutera Harbour Resort. Pada majlis tersebut, Takaful IKLAS telah menyumbangkan tiga buah komputer kepada lima buah sekolah di Sabah sebagai sebahagian daripada program CSR Syarikat.

12 Mei & 25 Jun 2008

Majlis Koktel Malaysian Re

Malaysian Re telah mengadakan majlis koktel eksklusif di Kuala Lumpur dan Jakarta, Indonesia untuk mengukuhkan hubungan dengan rakan sekutu perniagaan dan, memaklumkan kepada mereka berhubung perkembangan terkini Syarikat. Di kedua-dua majlis tersebut,

10 Mei 2008



21 Jun 2008



Malaysian Re telah memperkenalkan secara rasmi Presiden & CEO barunya, Hashim Harun.

30 Mei & 21 November 2008

Taklimat Penganalisis

Taklimat Penganalisis MNRB yang diadakan dua kali setahun dilihat sebagai salah satu platform bagi MNRB untuk mengumumkan prestasi kewangannya kepada industri. Keputusan kewangan yang disampaikan oleh Anuar Mohd Hassan, Presiden & CEO Kumpulan MNRB adalah amat bermanfaat dan memberi pemahaman mendalam kepada semua hadirin yang terdiri daripada para Penganalisis Pelaburan, Pengurus Dana dan wakil-wakil media.

21 Jun 2008

Pembukaan Rasmi Pejabat Wilayah Pahang

Takaful IKLAS telah membuka secara rasmi sebuah pejabat wilayah di Kuantan, Pahang. Pejabat tersebut merupakan pejabat wilayah kelapan yang dilancarkan oleh Takaful IKLAS. Pejabat wilayah Pahang yang mula beroperasi pada 16 Jun 2008 telah dilancarkan secara rasmi oleh Yang Berhormat Dato' Haji Ishak Haji

kalender peristiwa-peristiwa penting



25 – 27 Julai 2008



2 Ogos 2008



8 Ogos 2008



11 Ogos 2008



12 Ogos 2008



23 Ogos 2008

Muhamad, Pengerusi Jawatankuasa Usahawan & Koperasi bagi pihak Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Dato' Seri Haji Adnan Haji Yaakob dalam sebuah majlis yang diadakan di Perdana Ballroom, M.S Garden Hotel.

25 – 27 Julai 2008 Konvensyen Agensi Kali Ketiga

Konvensyen Agensi Ketiga bagi ejen-ejen perniagaan am Takaful IKHLAS telah berlangsung di Langkawi, Kedah. Seramai 110 orang ejen dan pasangan mereka telah menghadiri konvensyen tersebut. Ia dimulakan dengan video ucapan pembukaan oleh Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Takaful IKHLAS, Dato' Syed Moheeb Syed Kamarulzaman.

2 Ogos 2008 Pertandingan Golf Malaysian Re

Pertandingan Golf Tahunan Malaysian Re kali ke-19 telah diadakan di Sungai Long Golf & Country Club. Sambutan yang diterima amat menggalakkan di mana seramai 115 orang telah mengambil bahagian. Malaysian Re mengadakan acara tahunan ini untuk menghargai rakan sekutu perniagaan

dan sebagai platform untuk memaklumkan kepada mereka berita terkini dalam industri insurans. Pemenang pertandingan tersebut adalah Encik Ng Keng Hooi daripada Prudential Assurance Malaysia Berhad.

8 Ogos 2008 Malam Anugerah Agensi 2007/2008

Takaful IKHLAS telah mengadakan Malam Anugerah Agensi Tahunan di The Summit Hotel, Subang Jaya. Seramai lebih 800 hadirin dan penerima anugerah telah hadir ke majlis berkenaan. Majlis pengiktirafan itu khas untuk ejen-ejen yang telah terbukti pencapaiannya dalam pelbagai kategori produk perniagaan.

11 Ogos 2008 Pelancaran Rasmi MNRB Retakaful Berhad (MRT)

MRT dilancarkan secara rasmi oleh Sharkawi Alis, Pengerusi Kumpulan MNRB dan disaksikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr. Zeti Akhtar Aziz, Gabenor Bank Negara Malaysia. Syarikat berhasrat untuk meluaskan kesinambungan rantaian berlandaskan Syariah bagi insurans

Islam atau industri Takaful bukan sahaja di Malaysia, tetapi ke pasaran antarabangsa.

12 Ogos 2008 Majlis Resepsi MRT

Untuk meraikan pelancaran rasminya, MRT telah menganjurkan sebuah majlis resepsi yang dihadiri oleh tokoh-tokoh ternama Industri serta para Pengarah Kumpulan.

23 Ogos 2008 Pembukaan Rasmi Pejabat Wilayah Perak

Takaful IKHLAS telah membuka secara rasmi sebuah lagi pejabat wilayah baru iaitu di Ipoh, Perak. Pembukaan rasmi pejabat wilayah Perak tersebut adalah untuk mengukuh dan meluaskan liputan produk di Malaysia. Acara pembukaan telah disempurnakan secara rasmi oleh ADUN Changkat Jong, Tuan Haji Mohd Anuar Sudin. Pada majlis tersebut, Takaful IKHLAS telah menyumbangkan tiga buah komputer kepada enam buah sekolah di Perak sebagai sebahagian daripada inisiatif CSR Syarikat.

kalendar peristiwa-peristiwa penting



25 Ogos 2008 Mesyuarat Agung Tahunan Ke-35

MNRB mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-35 di Bangunan Malaysia Re. Acara tahunan tersebut berjaya mencatat kehadiran yang besar pada tahun ini di kalangan para pemegang saham serta wakil media. Ramai di antara pemegang saham mengambil peluang bukan hanya untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai aktiviti semasa Syarikat, tetapi juga untuk mengukuhkan hubungan dengan pihak Pengurusan dan ahli-ahli Lembaga.

8 September 2008 Majlis Berbuka Puasa

Acara Tahunan iaitu Majlis Berbuka Puasa telah diadakan di Bangunan Malaysian Re untuk semua jemputan daripada industri Insurans serta kakitangan MNRB dan Malaysian Re. Ceramah bertajuk “Keluarga Sakinah Keluarga Bahagia” telah disampaikan oleh Ustaz Zulkarnain Hamzah Al-Hafiz.

16 September 2008 Buka Puasa dengan Utusan Malaysia

Takaful IKHLAS mengadakan majlis berbuka puasa dengan Utusan Malaysia. Satu ceramah telah disampaikan sebelum masuk waktu berbuka oleh Ustaz Wan Jemizan daripada Jabatan Syariah Takaful IKHLAS. Kakitangan pengurusan Takaful IKHLAS dan MNRB juga dibawa melawat pejabat Utusan Malaysia dan Kosmo.

25 – 26 September 2008 Pembaharuan Pengawasan Audit oleh SIRIM bagi Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000

Malaysian Re telah diiktiraf semula dengan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 berikutan audit penilaian semula yang dijalankan oleh SIRIM. Pengiktirafan semula tersebut merupakan bukti komitmen Malaysian Re untuk terus mempertingkatkan proses penyediaan dan perkhidmatan terbaik kepada semua pelanggan.

10 Oktober 2008 Rumah Terbuka Hari Raya Kumpulan MNRB

Sebagai sebahagian daripada hasrat MNRB untuk memupuk konsep muhibah dan silaturrahim dalam industri insurans, Kumpulan MNRB telah menjemput rakan-rakan sekutu perniagaannya ke sambutan Rumah Terbuka Kumpulan MNRB. Rumah terbuka MNRB sememangnya sebuah acara yang amat dinanti-nantikan oleh kakitangan Kumpulan MNRB dan rakan sekutu perniagaannya dan seperti tahun-tahun yang lepas, ianya mendapat sambutan yang hangat. Selain daripada menikmati hidangan lazat yang disediakan, majlis yang begitu meriah ini turut memberi peluang kepada mereka yang terlibat dalam industri untuk beramah-mesra, bertemu kenalan lama dan berbincang mengenai isu-isu pasaran semasa.

11 Oktober 2008 Pertandingan Golf Takaful IKHLAS

Perlawanan golf persahabatan Takaful IKHLAS dengan Bank Negara Malaysia telah diadakan di Nilai Springs GCC, Negeri Sembilan. Pertandingan tersebut turut dihadiri oleh kedua-dua



kalendar **peristiwa-peristiwa penting**



Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Ooi Sang Kuang and Yang Berbahagia Dato' Mohd Razif Abdul Kadir. Ia berjaya menarik penyertaan yang memberangsangkan termasuk penyertaan daripada Pengurusan Kanan Takaful IKHLAS, Lembaga Pengarah Kumpulan MNRB serta kakitangan utama daripada Bank Negara Malaysia.

13 Oktober 2008
Pembukaan Rasmi Pejabat Putrajaya

Takaful IKHLAS dengan rasminya membuka sebuah pejabat operasi di Putrajaya. Pejabat baru yang terletak di Kompleks Kementerian Kewangan dan dikenali sebagai "Pejabat Putrajaya Takaful IKHLAS" dirasmikan oleh Pengerusi Takaful IKHLAS, Sharkawi Alis. Pejabat tersebut dibuka untuk menyediakan perkhidmatan cemerlang kepada kakitangan kerajaan di Putrajaya.

16 Oktober 2008
Rumah Terbuka Idulfitri Takaful IKHLAS 2008

Takaful IKHLAS menganjurkan perhimpunan majlis Rumah Terbuka Idulfitri bagi syarikat-syarikat bersekutu, rakan kongsi perniagaan, pihak media, ejen dan para pelanggan setia di Restoran Seri Melayu, Kuala Lumpur. Seramai lebih 500 orang tetamu telah hadir di perhimpunan tersebut termasuk Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Nasional Berhad (PNB), Yang Berbahagia Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman. Dalam acara tersebut, Sijil MS1900:2005 juga telah disampaikan kepada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Takaful IKHLAS, Dato' Syed Moheeb Syed Kamarulzaman oleh Yang Berbahagia Dato' Mariani Mohammad, Pengarah Urusan SIRIM.

16 November 2008
Takaful IKHLAS Dianugerahkan Penyedia Takaful/Takaful Semula Terbaik 2008

Dalam sebuah kajian yang dijalankan sempena *Islamic Finance News Awards 2008* baru-baru ini, para pembaca *Islamic Finance News* (IFN) telah

memilih Takaful IKHLAS sebagai Penyedia Takaful/Takaful Semula Terbaik 2008. Pengerusi Takaful IKHLAS, Sharkawi Alis menerima anugerah tersebut dalam sebuah majlis anjuran IFN. Takaful IKHLAS memenangi anugerah yang telah diadakan untuk tahun keempat menerusi undian yang dibuat oleh para pengamal industri kewangan Islam dan pembaca IFN.

18 November 2008
Takaful IKHLAS Dianugerahkan Produk Takaful Paling Inovatif KLIFF 2008

Takaful IKHLAS menggondol anugerah Produk Takaful Paling Inovatif sempena Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur Kelima 2008 (KLIFF 2008) yang diadakan pada bulan November 2008. Anugerah tersebut disampaikan oleh Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Tan Sri Nor Mohamad Yacop kepada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Takaful IKHLAS, Dato' Syed Moheeb Syed Kamarulzaman bagi produk IKHLAS Medic Assist Takaful (IMAT) di majlis yang diadakan di Hotel Istana, Kuala Lumpur.

kalender peristiwa-peristiwa penting



21 November 2008



8 Januari 2009



20 Januari & 23 Mac 2009



17 - 19 Mac 2009

21 November 2008 Persidangan Antarabangsa Takaful & Takaful Semula Ke-4 (ICTR)

Takaful IKHLAS menyertai persidangan ICTR kali keempat yang diadakan di Hotel Istana, Kuala Lumpur. Takaful telah menganjurkan pelbagai aktiviti termasuk seminar dan gerai pameran serta turut menjadi tuan rumah kepada 40 orang delegasi yang membuat lawatan ke pejabatnya. Yushida Husin telah menyampaikan pembentangan di persidangan tersebut berhubung Keperluan Sistem Pengurusan Kualiti, manakala Hazlinda Yahya membentangkan berkenaan Keberkesanan Operasi Kumpulan.

8 Januari 2009 Takaful IKHLAS memenangi BrandLaureate-SME Chapter Award 2008

Takaful IKHLAS telah memenangi "The BrandLaureate-SMEs Chapter Award 2008" yang diadakan di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur dengan menggondol

anugerah "Jenama Terbaik dalam Penjenamaan Produk, Insurans Rawatan Kesihatan Pengguna". Anugerah tersebut disampaikan kepada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Takaful IKHLAS, Dato' Syed Moheeb Syed Kamarulzaman oleh Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

20 Januari & 23 Mac 2009 Majlis Makan Tengahari Bersama Media

Acara eksklusif ini diadakan dua kali setahun bagi semua wakil Media sebagai tanda penghargaan atas liputan media yang diterima oleh Kumpulan MNRB. Penganjuran acara tersebut turut membantu mengukuhkan hubungan kerja yang baik antara Kumpulan dan pihak Media.

17 - 19 Mac 2009 Pameran Perkhidmatan Malaysia (MSE) 2009

Rentetan daripada kejayaan MSE 2008 di Sharjah, MRT sekali lagi mengambil bahagian dalam MSE 2009 yang diadakan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu. Penyertaan tersebut adalah sebahagian daripada usaha MRT untuk mempertingkatkan lagi kehadiran Syarikat di pasaran Timur Tengah serta mempromosi Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. MSE 2009 menjadi platform bagi syarikat-syarikat pengendali takaful untuk meningkatkan tahap kesedaran terhadap keperluan untuk meluaskan rangkaian bekalan industri kewangan yang mematuhi Syariah di peringkat antarabangsa.